

PPR Pinggiran Bukit Jalil perintis pelupusan sampah pintar mesra alam

KUALA LUMPUR – Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pinggiran Bukit Jalil di sini dijadikan kawasan perintis bagi pelaksanaan teknik pelupusan sampah menggunakan teknologi 'Eco-Smart High Temperature Pyrolysis'.

Projek tersebut menggunakan kaedah pelupusan sampah melalui kebuk bersuhu tinggi pintar dan mesra alam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A. Dahlan berkata, penyelidikan bakal dilakukan ke atas projek berkenaan yang dilaksanakan selama tiga bulan bermula 1 Mac bagi melihat keberkesannya.

"Melalui percubaan pelupusan sampah ini, kita akan melihat hasil kajiannya, sekiranya ia berjaya, maka kaedah tersebut boleh diguna pakai di seti-



NOR HISHAM melihat kebuk pelupusan sampah menggunakan teknologi 'Eco-Smart High Temperature Pyrolysis' di PPR Pinggiran Bukit Jalil baru-baru ini.

ap kawasan Parlimen.

"Kita mahu melihat impaknya kepada masyarakat, adakah ia boleh membantu menjimatkan kos dan

memberi persekitaran yang baik," katanya selepas melancarkan Pelan Tindakan KL Bersih Indah di PPR berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman.

Nor Hisham berkata, penyelidikan itu merupakan salah satu daripada 19 program yang telah dijalankan melalui Pelan Tindakan KL Bersih Indah sepanjang tahun ini.

"Ia melibatkan lapan kluster iaitu Jom Buat Duit; Kesedaran Kebersihan; Inisiatif Hijau; Sifar Sisa; Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2020-2025; Penguatkuasaan; Premis Bersih dan Sekolah Lestari.

"Pelan ini sebagai inisiatif dalam merealisasikan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang bersih dan indah," katanya.